

VITRAQ FILM-COATED TABLET 75MG

Clopidogrel (75mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Vitraq
2. Bagaimana Vitraq berfungsi
3. Sebelum menggunakan Vitraq
4. Cara menggunakan Vitraq
5. Semasa menggunakan Vitraq
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Vitraq
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Vitraq

Digunakan untuk mencegah keadaan *atherothrombotic*, di mana arteri (saluran darah) menjadi keras dan sempit akibat pembentukan plak yang menghalang pengaliran darah ke organ badan.

Bagaimana Vitraq berfungsi

Clopidogrel menghalang pengumpulan platelet bagi mencegah pembentukan plak di bawah dinding arteri.

Sebelum menggunakan Vitraq

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika anda:

- alergi (hypersensitiviti) terhadap clopidogrel dan bahan-bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.
- mempunyai kerosakan hati yang serius.
- mempunyai ulser perut atau ulser usus.
- mengalami pendarahan dalam tengkorak.

Sebelum mula menggunakan

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda:

- mengalami pendarahan atau masalah berkaitan dengan darah.
- mempunyai kerosakan ginjal dan/atau hati.
- mengalami strok kebelakangan ini.
- hamil atau menyusui.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi.

Anda perlu beritahu doktor sekiranya anda mengambil:

- *anticoagulants*, ubat-ubatan yang digunakan untuk mengurangkan pembekuan darah.
- ubat anti-radang bukan steroid (NSAIDs), biasanya digunakan untuk merawat keadaan yang menyakitkan dan / atau radang otot atau sendi.

- *heparin* atau ubat suntikan lain untuk mengurangkan pembekuan darah.
- *omeprazole*, *esomeprazole* atau *cimetidine*, ubat untuk merawat sakit perut.
- *fluconazole*, *voriconazole*, *ciprofloxacin*, atau *chloramphenicol*, untuk merawat jangkitan bakteria dan kulat.
- *fluoxetine*, *fluvoxamine*, atau *moclobemide*, ubat untuk merawat kemurungan.
- *carbamazepine*, atau *oxcarbazepine*, ubatan untuk merawat beberapa jenis sawan (epilepsi).
- *Ticlopidine*, atau agen antiplatelet lain.

Cara menggunakan Vitraq

Berapa banyak harus digunakan

Makan satu tablet (75mg) sekali sehari.

Bila perlu digunakan

Ambil pada waktu pagi, selepas atau sebelum sarapan pagi.

Berapa lama perlu digunakan

Mengikut preskripsi doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Jika terlupa menggunakannya

Ambil secepat mungkin apabila anda teringat. Jika dos seterusnya sudah hampir, ambil dos yang seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dos berlebih mungkin mengakibatkan jangka masa pendarahan yang lebih lama, dan diikuti dengan komplikasi pendarahan.

Semasa menggunakan Vitraq

Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa cuci tangan sebelum mengambil tablet. Makan tablet bersama air dan cuba mengambilnya pada waktu yang sama setiap hari.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan kunyah tablet. Telan tablet dengan air. Jangan ambil ubat ini tanpa preskripsi doktor atau ahli farmasi.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda:

- mengalami pendarahan yang luar biasa.

- akan menjalani sebarang pembedahan termasuk pembedahan gigi.
- mempunyai tompok ungu pada kulit, terhasil oleh akibat pendarahan pada saluran darah yang berdekatan dengan kulit (*Thrombotic Thrombocytopenic Purpura*).

Kesan-kesan sampingan

- Masalah ketidakceraan makanan.
- Sakit perut.
- Cirit-birit.
- Masalah pendarahan termasuk pendarahan gastrousus dan tengkorak.

Ini bukan senarai lengkap untuk kesan-kesan sampingan, jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan yang lain, sila hubungi doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my (Consumers -> Reporting -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Vitraq

Penyimpanan

Simpan pada suhu bilik di bawah 30 °C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Tablet bersalut filem, berwarna merah jambu, berbentuk bulat. Terdapat dalam blister strips 10's dalam kotak bungkusan 30, 90 dan 100 biji.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Clopidogrel 75mg (sebagai Clopidogrel Bisulphate).

Bahan tidak aktif

Quinolline Yellow, Mannitol, Microcrystalline Cellulose, Crospovidone, Ponceau 4R, Hydroxypropyl Cellulose, Colloidal Silicon Dioxide, Stearic Acid, Purified Water dan Hydroxypropyl

Methylcellulose Compound Mix

Nombor MAL

MAL13095079AZ

Pengilang

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

GoodScience Sdn. Bhd.
No. 7, Jalan KPK 4/3,
Kawasan Perindustrian Kundang,
Kundang Jaya, 48020 Rawang,
Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

19 Februari 2026

Nombor Siri

BPFK(R4/1)190615/00158